

BAB IV

MAHKAMAH SYARIAH SEBAGAI BADAN KHAUKIMAN

A. Pengenalan

Mahkamah adalah satu lambang keadilan dan telah wujud bersama-sama U gama Islam. Di zaman Rasulullah, Rasulullah telah ditugaskan bukan sahaja menyeru dan menyampaikan ajaran Allah kepada para manusia, bahkan beliau ditugaskan memutuskan hukam dan menyelesaikan persengkataan yang terjadi diantara anggota masyarakat.¹

Antara orang yang pertama yang dilantik untuk membantu Rasulullah menegakkan keadilan ialah Muadz Ibn Jabar yang dilantik menjadi Gabnor dengan kuasa pengadilan. Fungsi kehakiman dan eksekutif dipegang oleh satu badan yang sama hingga dizaman Umar Ibn Kattab di mana kedua-dua fungsi ini telah dipisahkan.²

Hari ini Mahkamah Syariah adalah satu badan yang terpisah dari Majlis yang hanya menjalankan fungsi perundangan dan eksekutif. Jika dilihat rajah 4.1, Mahkamah Syariah adalah terletak di bawah kawalan Jabatan Hal-ehwal U gama Islam yang pula dikawal oleh Kerajaan Negeri.


¹ Prof. T.M. Hasbi Ash. Shiddieqy, Sedjarah Peradilan Islam, Bulan Bintang, Jakarta 1970. hal. 12 antara ayat Quran yang dirujukannya ialah Ayat 64, Surah An Nisa.

"Maka demi Tuhan, tiadalah mereka beriman, hingga mereka mentahkimkan dirinya kepada Mu (ya Muhammad) dalam segala urusan yang menjadi pertengkaran diantara mereka kemudian mereka tidak merasa kecewa terhadap putusan-putusan yang kamu berikan itu, mereka menerima putusan dengan sempurna."

² Ibid hal. 15

RAJAH 4.1

ORGANISASI JABATAN MAL-ehwal UGAMA DAERAH PETAJA 1975



Kandor : Bilik Gerakan Jabatan

Catatan : (1) i) Setiausaha adalah Pendaftar Jawatankuasa Ulangbicara
 ii) 9 Orang ahli
 (2) i) Pemeriksa Pelajaran Dewasa Ugama
 ii) Pemeriksa Sekolah Ugama
 (3) i) 1 Kerani Besar
 ii) 2 Kerani 'Am
 iii) 1 Jurutaip
 iv) 1 Pelayan Pejabat
 (4) Untuk menolong Kathi Daerah
 i) Pemeriksa Mal-ehwal Ugama
 ii) Pendakwa Ugama
 iii) Kerani
 iv) Pelayan Pejabat


1. Penubuhan dan Struktur Mahkamah

Mahkamah adalah ditubuhkan di bawah peruntukan s. 39 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1959. Mengikut seksyen ini ada 2 jenis mahkamah, Mahkamah Kathi Besar dan Mahkamah Kathi Daerah. Pada masa ini ada terdapat 4 mahkamah, 1 Mahkamah Kathi Besar yang diketuai oleh Kathi Besar dan bertempat di Melaka Tengah dan 3 buah Mahkamah Kathi Daerah yang diketuai oleh Kathi-kathi Daerah yang bertempat diketiga daerah di Melaka iaitu Melaka Tengah, Jasin dan Alor Gajah. Disamping mahkamah-mahkamah ini terdapat satu Jawatankuasa Ulangbicara yang menjadi Mahkamah Rayuan dari semua kes-kes yang diputuskan oleh Mahkamah Kathi. (Silalah lihat rajah 4.2 yang menunjukkan Hirarki Mahkamah Syariah)

Mahkamah Kathi Besar Melaka terletak dibangunan yang sama dengan Jabatan Hal-ehwal Ugama Islam. Di atasnya terdapat Instituti Pentadbiran Awam Cawangan Melaka. Oleh sebab lantai yang memisahkan kedua-dua pejabat ini dibuat dari papan, kerap kali pembicaraan terganggu oleh bunyi bising dari atas. Jika tidak ada pembicaraan, mahkamah menjadi tempat lalu-lalang pekerja. Pembicaraan Mahkamah Kathi Daerah Melaka Tengah juga dijalankan di sini. Jasin mempunyai Mahkamah Kathi Daerahnya sendiri tetapi Alor Gajah terpaksa menjalankan pembicaraan di Mahkamah Pengadilan Daerah.

RAJAH 4.2

STRUKTUR MAHKAMAH SYARIAH MELAKA



Sumber : Sendiri.

Kedudukan mahkamah boleh dilihat dalam rajah 4.3. Tidak ada kandang untuk Yang Dituduh, biasanya Yang Dituduh akan ditempatkan dihadapan Kathi. Saksi-saksi diletakkan dalam pejabat mahkamah sementara menunggu giliran mereka dipanggil.

Di Mahkamah Kathi Melaka Tengah pembicaraan dijalankan kira-kira 2 kali sebulan. Pembicaraan biasanya diadakan pada hari Ithnin, pembicaraan kes nafkah biasanya diadakan pada awal bulan untuk memudahkan pembayaran. Hanya satu jenis pembicaraan dalam satu hari, biasanya diadakan 5 atau 6 pembicaraan kes mal dalam satu hari tanpa rehat.

RAJAS 4.3

KEDUDUKAN PRATIKULAN "YAMITAN"

Kathi

Tandakwa Ugana	Kerani
-------------------	--------

Kandang
Galeri

Galeri

Refrensi : sendiri

2. Personel Mahkamah

a) Kathi*

Kathi adalah pengadik Mahkamah Syariah. Beliau adalah dilantik oleh Yang DiPertuan Agong dan merupakan personel yang terpenting dalam sesuatu Mahkamah Syariah.³ Perlantikannya hendaklah diiringi dengan surat tauliah dan dengan surat ini Yang DiPertuan Agong bolih menyekat kuasa yang jika tidak akan terserah kepadanya.

Mengikut peraturan sekarang calon-calon kathi mestilah berkelulusan Universiti dan mempunyai taraf pegawai kelas satu dengan gaji permulaan sebanyak \$750.00. Pada masa ini cuma ada satu kathi yang memenuhi syarat tersebut. Pada masa dahulu kathi-kathi bolih dilantik dari mereka yang berkelulusan "pondok" tetapi mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang luas mengenai Undang-undang Islam.

Dibandingkan dengan personel lain, kathi merupakan satu personel yang rapat dan lebih dikenal mesyarakat terutama dalam hal-hal perkahwinan dan perceraian.

³ Prof. T.H. Hasbi Ash. Shiddiegy, op. cit. no. 1 hal. 33. Kata Abu Bakar ibn Mas'ud dalam Bada-i'ush shanai, "Mengangkat kathi adalah suatu fardhu; kerana mengangkat kathi itu adalah untuk menyelesaikan suatu urusan fardhu, iaitu: kehakiman. Kehakiman itu adalah menghukumkan perkara-perkara umat, maka mengangkat kathi untuk menegakkan fardhu, fardhu juga."

* Sila lihat nama kathi yang sedang berkhidmat di mahkamah-mahkamah Syariah Melaka dalam appendik 6

Kathi Besar mempunyai taraf yang sama seperti seorang Pengadil. Beliau mempunyai bidangkuasa untuk membicarakan semua kes-kes yang ada, tetapi pada amalnya beliau tidak membicarakan kes-kes yang termasuk dalam bidangkuasa Kathi Daerah. Perkara yang membezakan bidangkuasa antara dua jenis kathi ini ialah nilai hukuman yang disebut dalam s.40 (4) untuk kes-kes jenayah, mengikut seksyen itu Mahkamah Kathi Daerah boleh membicarakan semua kesalahan yang hukuman maksimumnya \$200.00 atau penjara tidak lebih dari 2 bulan. Untuk kes-kes mal Kathi Daerah hanya boleh membicarakan kes yang nilainya tidak melebihi \$1,000.00.

b) Pendakwa Ugama*

Beliau bertindak sebagai pihak pendakwa dalam kes jenayah. Beliau dilantik oleh Yang DiPertuan Agong di bawah peruntukan s.59(a). Tidak ada peruntukan dalam Enakmen tentang syarat perlantikan tetapi jawatan ini menghendaki seorang yang mahir dalam Undang-undang Islam. Pendakwa Ugama yang ada sekarang berkelulusan Kolej Islam.

Cuma ada satu Pendakwa Ugama bagi seluruh Negeri Melaka beliau pada masa ini berpejabat di Mahkamah Kathi Besar, apabila terdapat kes-kes jenayah berlaku di Daerah-daerah Alor Gajah atau Jasin beliau akan hadir di Mahkamah yang berkenaan sebagai pihak pendakwa. Beliau biasanya menerima aduan dari Pemeriksa Hal-ehwal Ugama, oleh sebab beliau merupakan orang yang sangat sibuk, tidak ada tugas lain yang diberi kepadanya.

*Encik Mupit bin Haji Ahmad.

C) Pemeriksa Hal-ehwal Ugama

Kepada orang ramai beliau lebih dikenal sebagai 'Pegawai Mahsiat.' Tugas yang utama ialah menerima aduan, menyiasat, memberi nasihat pada masa pihak-pihak yang membuat pengaduan, menolong kathi dalam kerja luar mahkamah seperti mengambil laporan kes-kes dan memberi ceramah-ceramah.

Perlantikan mereka adalah atas budibicara Jabatan untuk menolong proses guaman. Mereka menerima semua aduan termasuk aduan jenayah bagi pihak pendakwa dan menyiasat kes-kes terutama jika berlaku pertelingkahan nyataan dalam pembicaraan. Dalam erti kata yang lain mereka adalah berfungsi sebagai pegawai polis.

Dalam menjalankan tugas seharian, mereka ini termasuk dalam golongan pegawai yang sibuk dan mereka ini semuanya bersifat lemah lembut, sesuai dengan tugas mereka memberi nasihat untuk menolong mengurangkan kes dibicarakan dalam mahkamah, terutama dalam kes-kes perceraian.

Pemeriksaan yang ada sekarang ini semua mempunyai latar belakang kelulusan ugama, dari 3 orang Pemeriksa 2 orang lulus dari Kolej Islam. Pada masa ini ada seorang Pemeriksa menetap di Alor Gajah, seorang di Jasin yang juga merangkap Pemeriksa Hal-ehwal Ugama bagi Daerah Melaka Tengah. Pemeriksa ketiga sebenarnya adalah seorang pegawai yang dilantik khas untuk menguruskan hal-hal wanita⁴ tetapi

⁴ Jawatan ini diperkenalkan dalam tahun 1973, pegawai yang berkenaan adalah bertugas untuk seluruh Negeri Melaka.

dalam tugas hari-hari beliau juga bertugas sebagai Pemeriksa.

B. Bidangkuasa

Ibnul Qajjim semasa menerangkan tugas-tugas kathi di Negeri Sham mengatakan tugas-tugas kathi tidak ditentukan Shara'. Ia adalah ditentukan oleh orang yang melantiknya.⁵

Tugas-tugas atau bidangkuasa kathi atau Mahkamah Kathi Melaka adalah ditetapkan oleh s.40 Enakmen 1959. Seksyen ini membahagikan bidangkuasa Mahkamah Kathi Besar dan Mahkamah Kathi Daerah dalam kedua kes mal dan jenayah. Seperti yang telah dikatakan tadi kedua jenis mahkamah ini mempunyai bidangkuasa yang sama cuma misalnya Mahkamah Kathi Daerah dibatasi dari membicarakan kes mal yang nilai perkaranya melebihi \$1,000.00 dan untuk kes jenayah yang hukumannya melebihi denda sebanyak \$200.00 dan atau penjara lebih dari 2 bulan. Mahkamah Kathi Besar pada asalnya dilarang dari membicarakan kes yang boleh dibicarakan oleh Mahkamah Kathi Daerah walaupun disegi teori ia mempunyai bidangkuasa.

Bidangkuasa Mahkamah Syariah adalah terhad kepada orang Islam dalam Negeri Melaka. Walau bagaimanapun secara tidak langsung ia mempunyai kesan ke atas orang-orang bukan Islam.

⁵ Prof. T.H. Hasbi Ash. Shiddiegy op. cit. no. 1 hal. 36

1. Bidangkuasa Mal (Sivil)

Bidangkuasa Mal Mahkamah Syariah ditentukan dalam s. 40(b) yang berbunyi:

Di dalam kuasa malnya, membicarakan dan memutuskan pembicaraan jika kedua pihak yang dibicarakan itu beragama Islam yang berkenaan:-

- (i) pertunangan, nikah, cerai, membatalkan nikah atau perceraian mengikut hukum mahkamah (farak).
- (ii) memberi hartabenda atau tuntutan di atas harta yang berbangkit daripada perkara-perkara yang tersebut di dalam pecahan (i) bagi pecahan ini.
- (iii) nafkah orang di bawah tanggungan, anak yang sah, penjaga kanak-kanak atau pemeliharaan kanak-kanak.
- (iv) pembahagian inter vivos harta sepencarian.
- (v) wakaf atau nazar.
- (vi) lain-lain perkara yang diberi kuasa tadbir kepadanya oleh mana-mana undang-undang yang berkanun.

Pada amalnya, Mahkamah hanya membicarakan dan menguruskan kes-kes yang tertentu sahaja seperti perkahwinan, perceraian, nafkah anak dan isteri, warisan dan harta sepencarian.

a) Perkahwinan

Perkara perkahwinan adalah dibincangkan oleh Enakmen dalam bahagian VI. Disamping itu peraturan-peraturan mengenai perkahwinan adalah seperti yang ditetapkan dalam peraturan perkahwinan (nikah) orang-orang Islam di dalam Negeri Melaka.⁶

⁶ Pemberitahu bil: 62 dalam warta kerajaan Negeri Melaka bertarikh 21hb. Mac, 1968. Lihat Appendix 8.

Perkahwinan hanya bolih diupacarakan oleh Pendaftar tempat perkahwinan itu dilansungkan tetapi bila ada wali hadir adalah menjadi sah bagi wali itu mengupacarakan (mengakad nikahkan) perkahwinan di hadapan dan dengan kebenaran Pendaftar Kariah Masjid di mana perkahwinan itu dilakukan. Pendaftar bolih mengupacarakan perkahwinan di atas permintaan wali perempuan yang hendak dikahwinkan tetapi sebelum mengupacarakan perkahwinan itu dia hendaklah membuat penyiasatan penuh untuk memuaskan hatinya yang tidak ada halangan yang sah mengikut Undang-undang Islam terhadap perkahwinan itu. Jika tidak ada wali bagi perempuan yang akan dinikahkan itu atau wali enggan membenarkan nikah itu dengan tidak ada sebab-sebab yang diluluskan oleh Undang-undang Islam, maka perkahwinan itu bolih diupacarakan oleh Pendaftar Kariah dalam mana perempuan itu akan dikahwinkan tetapi sebelum mengupacarakan perkahwinan itu Pendaftar mesti membuat penyelidikan untuk memuaskan hatinya yang tidak ada halangan yang sah mengikut Undang-undang Islam untuk perkahwinan itu dan di dalam kes-kes di mana Pendaftar sendiri bukan kathi, dia mestilah mendapat kebenaran dari kathi atau Kathi Besar.⁷

⁷ Sila lihat Surat Izin Bernikah mengenai Pernikahan Wali Hakim di dalam appendik 9.

Tiap-tiap perkahwinan dikehendaki diupacarakan dalam kariah masjid di mana pengantin perempuan biasanya tinggal tetapi Pendaftar yang mempunyai bidangkuasa dalam kariah yang berkenaan boleh memberi kebenaran supaya perkahwinan diupacarakan di lain-lain tempat.⁸ Tiap-tiap perkahwinan mestilah didaftarkan.

Jadual di bawah (Jadual 4.1) menunjukkan bilangan perkahwinan dalam Negeri Melaka dari tahun 1970 hingga 1975

JADUAL 4.1

BILANGAN PERKAHWINAN DARI 1970 - 1975

Tahun	Alor Gajah	Melaka Tengah	Jasin	Jumlah
1970	686	778	444	1908
1971	791	764	470	2025
1972	756	804	462	2021
1973	791	926	487	2106
1974	1788	914	548	3250
1975	860	960	568*	2388

Sumber : Buku Penyata Tahunan Majlis

Catitan: *tidak termasuk bulan Disember.

⁸ Sila lihat Borang Permohonan Bernikah di Luar Negeri dalam appendik 10.

Dari jadual 4.1 didapati perkahwinan bertambah setiap tahun. Jumlah ini termasuk perkahwinan kedua, ketiga dan keempat. Hak untuk berkahwin lebih dari satu dibenarkan di Melaka tanpa apa-apa sekatan seperti di Singapura, Negeri Sembilan dan Selangor. Apa yang perlu dibuat bagi seorang suami yang berkenaan ialah mengisi borang permohonan meminta kebenaran dari kathi,⁹ di mana diantara lain pemohon membuat pengakuan yang dia akan menguntukkan nafkah untuk isteri dan anak dari isteri yang tua. Kawalan jika ada adalah setakat memberi nasihat. Perkahwinan kedua kerap kali berlaku dikalangan mereka yang berpendapatan rendah¹⁰ alasan yang diberi untuk berkahwin lagi ialah dia telah membuat perhubungan dengan bakal isteri barunya dan perkahwinan adalah untuk mengahtarafkan anak dan menutup malu, dengan alasan ini kathi terpaksa memberi kebenaran. Biasanya perkahwinan kedua ini tidak berkekalan berakhir bila anak yang menjadi alasan perkahwinan itu lahir, ini disebabkan pihak lelaki tidak mampu menanggung dua isteri. Adalah menjadi polisi mahkamah untuk mengawal perkahwinan lebih dari satu oleh sebab perkahwinan ini kerap menambahkan beban mahkamah dalam menyelesaikan soal nafkah.

⁹ Lihat borang "permohonan menikah lagi satu" dalam appendik 11

¹⁰ Perkahwinan lebih dari satu juga berlaku dikalangan mereka yang berada, mereka ini mudah mendapat kebenaran kerana isteri-isteri mereka jarang datang ke mahkamah menuntut nafkah.

b) Perceraian

Perceraian adalah satu perkara yang selalu timbul dalam mahkamah. Perkara ini dibincangkan dalam bahagian VI Enakmen 1959. Ada 4 jenis perceraian dalam Islam iaitu talak, fasah, taklik dan cerai tebus talak. Kecuali talak, ketiga cara perceraian yang kemudian adalah perceraian melalui mahkamah dengan permohonan dari isteri, oleh sebab yang demikian perceraian-perceraian tersebut terdaftar dengan sendirinya. Mengikut s. 120 perceraian cara talak oleh suami mesti didaftarkan dalam masa 7 hari jika talak 3 (talak tidak boleh rujuk) telah dilapaskan. Jika talak 2 atau 1 telah dijatuhkan, pendaftaran hanya dibuat selepas tempoh eddah atau tempoh rujuk tamat.

i) Talak

Talak adalah hak yang diberi kepada suami untuk menceraikan isterinya dengan sebarang atau tanpa alasan. Oleh sebab itu jika dilihat jadual 4.2, talak adalah cara perceraian yang paling terkenal kerana melebihi 3 kali ganda perceraian cara fasah. Seorang kathi mengakui hak suami untuk menceraikan isteri tanpa alasan sebagai mutlak, beliau tidak mencadangkan apa-apa sekatan, kerana itu adalah perkara "dia (suami) dengan Tuhan." Walaupun demikian tidak semua perceraian talak dilakukan oleh suami dengan sesuka hatinya dan walaupun talak boleh dilapaskan dimana-mana suami lebih suka melapaskannya dihadapan kathi untuk memudahkan pendaftaran. Perceraian talak

ini biasanya dilakukan juga dengan persetujuan atau persetujuan yang diandaikan dari pihak isteri, ini terjadi apabila kedua pihak berpendapat mereka tidak bolih meneruskan perkahwinan. Kathi-kathi akan berusaha sedaya upaya mendamaikan pihak-pihak dalam hal ini mereka cuba menyelesaikan perkara di luar mahkamah yang mengikut kathi-kathi itu lebih popular dari penyelesaian dalam mahkamah. Dalam satu kajian yang dibuat dalam tahun 1974¹¹ salah satu sebab perceraian ialah campur tangan dari luar dalam rumah tangga pihak-pihak. Dalam usaha mendamaikan pihak-pihak kathi yang berkenaan akan memanggil kedua pihak dan mencari punca perselisihan tanpa campur tangan dari ibubapa dan mertua. Di Alor Gajah misalnya oleh sebab Pejabat Kathi berhampiran sekali dengan jalanraya, ibubapa atau mertua pihak-pihak kerap 'mengintip' dan 'menyampok' dari tingkap apabila kathi mengadakan pembicaraan awal dengan pihak-pihak dalam pejabatnya. Mengikut kathi-Alor Gajah, suami yang datang berjumpanya dengan niat untuk mentalakkan isteri / terpaksa melupakan niatnya bila / kadang-kadang ditunjukkan nafkah-nafkah yang mesti dibayar yang terdapat dalam borang perceraian.¹²

¹¹ 'Maklumat mengenai Kes Perkahwinan, perceraian, nafkah dalam tahun 1974' satu kajian yang telah dijalankan oleh Mahkamah Syariah, dari fail mahkamah.

¹² Sila lihat borang permohonan cerai dalam appendik 12.

ii) Fasah

Fasah adalah satu cara perceraian melalui mahkamah yang diberi oleh s. 122. Fasah telah didefinisikan sebagai pemansokhan atau penamatan perjanjian perkahwinan dengan decree dari mahkamah. Mengikut seksyen itu hanya wanita bolih memohon¹³ dengan alasan yang dibenarkan oleh Mazhab Shafie seperti ketidakupayaan, gila, kusta atau suami enggan memberi nafkah kepada isteri. Apabila menerima permohonan ini kathi akan menghantar notis kepada suami dan kemudian mengambil keterangan dari 2 orang saksi dan keterangan bercampurah isteri untuk membuktikan alasan yang diberi. Jika kathi berpuas hati yang peruntukan Undang-undang Islam telah dipenuhi, dia bolih membuat perintah atau menjadikan decree itu sah. Perceraian itu akan didaftarkan olehnya dan beliau akan mengeluarkan sijil kepada suami dan isteri, tetapi jika perceraian itu bolih dirujuk, sijil perceraian itu tidak bolih dikeluarkan hingga tempoh untuk rujuk tamat.

Biasanya apabila permohonan dibuat untuk perceraian si isteri hanya tahu memohon fasah walaupun sebenarnya dia bolih memohon cerai talik. Dalam pembicaraan, kathi biasanya, dalam pertanyaannya tentang aduan pemohon akan bertanya samada pemohon juga membuat permohonan

¹³ Hak memohon hanya diberi kepada wanita oleh sebab lelaki mempunyai hak untuk mentalakkan isteri, walaupun demikian Undang-undang Islam tidak mengkhaskan hak ini kepada wanita sahaja.

untuk cerai taklik sebagai permohonan pilihan, pemohon akan (tanpa mengetahui apa dia cerai taklik) mengiyakan cadangan kathi.¹⁴

Alasan yang paling popular sekali yang digunakan ialah tidak mendapat nafkah dari suami. Jika dikaji jadual 4.2, fasah adalah perceraian yang kedua paling digemari selepas talak.

iii) Taklik

Di mana ada taklik (syarat) dalam kontrek perkahwinan¹⁵ dan syarat itu telah dipecahi, siisteri bolih membuat aduan dan jika aduan itu dibuktikan dengan nyata, dia berhak untuk diceraikan dengan talak satu.

Perceraian cara ini diperuntukkan dalam s. 122. Seperti fasah siisteri mesti membuktikan kepada mahkamah yang syarat dalam kontrek perkahwinan telah dilanggar. Syarat yang biasa dilanggar ialah tidak memberi nafkah lebih dari 4 bulan. Sisuwami dalam semua kes ini menghilangkan diri, mahkamah akan mengeluarkan satu iklan dalam Utusan Melayu meminta sisuwami menghadirkan diri dalam mahkamah

¹⁴ Salbiah bte Abdul Karim dengan Abu Bakar bin Dol fail no: 11/76 Rekod Mahkamah Kathi Melaka Tengah. Dalam kes ini siisteri memohon cerai fasah walaupun dalam surat nikahnya terdapat syarat taklik.

¹⁵ Di Melaka ada terdapat tersedia syarat-syarat taklik di dalam borang nikah yang bolih mengikat suami-suami apabila mereka menandatangani peruntukan itu semasa akad nikah.

untuk pembicaraan,¹⁶ setakat ini iklan itu tidak mendatangkan kesan sebab suami walaupun tahu mengenai panggilan itu tidak mahu menyusahkan diri untuk hadir di mahkamah apalagi untuk menjawab tuduhan.¹⁷

Mengikut jadual 4.2, dari 1428 jumlah perceraian dalam 6 tahun hanya 162 sahaja perceraian taklik.

iv) Cerai tebus talak

Mengikut cara ini siisteri yang ingin menamatkan perkahwinannya boleh meminta suaminya melepaskannya dengan menawarkan suaminya sejumlah wang atau lain-lain saguhati. Perceraian sempurna dengan lafaz talak dari suami.¹⁸

Dalam 6 tahun (lihat jadual 4.2) cuma ada satu kes tebus talak yang dibicarakan dalam mahkamah. Mengikut kathi, cerai cara ini kalau ada pun diadakan atau diselesaikan dalam pejabat kathi. Cara ini tidak digemari mungkin sekali kerana siisteri tidak mengetahui jalan lain untuk dia melepaskan diri dari perkahwinan. Cara ini tidak digalakkan kerana pertama polisi mahkamah ialah untuk mengurangkan

¹⁶ Contoh iklan:

Dikehendaki hadir
..... bin berasal dari , Melaka sekarang ghaib dikehendaki hadir di Mahkamah Syeriah Melaka Tengah pada hari haribulan jam kerana isterinya alamat minta lafaz taklik. Jika tidak hadir pembicaraan diteruskan dan hukuman dijatuhkan.

¹⁷ Dalam semua pembicaraan yang disaksikan tidak ada seorang suami pun hadir.

¹⁸ Rokiah lawan Abu Bakar [1948] JMBRAS Bahagian II, hal. 10.

perceraian, jika perceraian cara ini diikuti, pihak-pihak tidak boleh rujuk semula. Sebab kedua ialah mahkamah tidak mahu pihak suami menggunakan kesempatan ini untuk meminta apa sahaja balasan atau saguhati jika dia menerima tawaran.

Saguhati yang biasanya diberi ialah menghalalkan nafkah dan muta'ah.

JADUAL 4.2

JENIS* DAN BILANGAN PERCERAIAN TAHUN 1970 - 1975

Tahun	Fasah				Talak				Taklik			
	M.T.	A.G.	J.	Jum.	M.T.	A.G.	J.	Jum.	M.T.	A.G.	J.	Jum.
1970	16	29	6	51	71	84	23	178	1	-	10	11
1971	27	13	5	45	53	49 ^a	31	133	1	24	8	32
1972	37	6	-	43	50	51	25	126	1	23	9	33
1973	-	20	4	24	101	50	20	171	-	12	18	30
1974	20	17	8	45	70	70 ^b	32	172	4	20	11	35
1975	11	25	4	40	67	73 ^c	36	176	13	3	5	21

Sumber : Buku Penyata Tahunan Majlis 1970 - 1975

Catitan: *Perceraian cara tebus talek hanya berlaku sekali dalam 6 tahun iaitu dalam tahun 1973 sebab itu tidak dimasukkan dalam jadual.

M.T. = Melaka Tengah

A.G. = Alor Gajah

J. = Jasin

Jum. = Jumlah

a = 3 dari kes-kes dibicarakan dalam mahkamah.

b = 10 dari kes-kes dibicarakan dalam mahkamah.

c = 20 dari kes-kes dibicarakan dalam mahkamah.

c) Rujuk

Rujuk ialah pembatalan perceraian. Seorang suami Islam bolih, jika tempoh eddah belum tamat membatalkan talak yang telah dilafazkannya atau yang telah dijatuhkan oleh mahkamah. Dia bolih berbuat demikian jika dia telah menceraikan isterinya dengan talak 1 atau 2, tidak ada rujuk dalam perceraian dengan talak 3, dengan cerai tebus talak dan selepas eddah tamat walaupun dalam kes kedua kes yang kemudian itu cuma dengan talak 1 atau 2, melainkan siisteri telah melalui satu perkahwinan lain.

Mengikut s. 121 suami dikehendaki mendaftar rujuk dalam masa 7 hari selepas rujuk dibuat dan dengan pendaftaran itu sijil perceraian menjadi tidak sah lagi.

Jadual 4.3 disebelah menunjukkan jumlah kes rujuk berbanding dengan perkahwinan dan perceraian. Tidak ada pertambahan yang tertentu. Walaupun rujuk adalah usaha pihak-pihak tanpa campurtangan secara nyata dari mahkamah, tidak dapat dinafikan ini adalah satu perkara yang sangat digalakkan oleh mahkamah.¹⁹

19

Mahkamah menceraikan isteri dari suaminya, biasanya dengan talak 1 dengan harapan pihak-pihak akan berbaik semula. Penoreksa Hal-ehwal Ugama apabila ada peluang akan menasihatkan pihak-pihak supaya rujuk semula.

JADUAL 4.3

RUJUK BERBANDING DENGAN PERKAHWINAN DAN PERCERAIAN
TAHUN 1970 - 1975

Tahun	Perkahwinan	Perceraian	Rujuk
1970	1908	240	17
1971	2025	210	4
1972	2021	202	12
1973	2106	225	5
1974	3250	252	11
1975	2388	239	16

Sumber : Buku Penyata Tahunan Majlis 1970 - 1975

a) Nafkah

Isteri dalam Undang-undang Islam berhak mendapat nafkah semasa perkahwinan dan masa eddah. Dia bolih menguatkuasakan haknya dengan cara membuat permohonan kepada mahkamah. Ini adalah berikutan dengan peruntukan s. 132 yang berbunyi :

- (1) Seorang perempuan yang berkahwin bolih dengan permintaannya dalam mahkamah mendapat satu perintah di atas suaminya kerana bayaran daripada satu masa kesatu masa sebanyak mana yang berkenaan dengan nafkah yang ia bolih berhak menerimanya mengikut Undang-undang Islam.
- (2) Seorang perempuan yang telah diceraikan oleh suaminya bolih dengan permintaannya di mahkamah mendapat perintah di atas suaminya yang dahulu kerana bayaran di dalam eddah jikalau cerai itu dengan talak 1 atau 2, atau pun di dalam tempoh perempuan itu mengandung dengan suaminya yang dahulu, sebanyak mana nafkah yang ia bolih berhak menerimanya mengikut Undang-undang Islam.

Biasanya isteri tidak akan meminta nafkah semasa memohon fasakh atau talik.²⁰ Jika mereka/ secara talak perkara nafkah / bercerai diselesaikan semasa suami mengisi borang permohonan cerai.

Mengikut s. 133 (1) isteri disamping meminta nafkahnya, jika mempunyai anak, berhak memohon kepada mahkamah nafkah bagi anak, biasanya kedua-dua permohonan dibuat bersama.

Jadual 4.4 menunjukkan jumlah kes nafkah yang dibicarakan dalam mahkamah, kes ini termasuk menguatkuasakan perintah yang di keluarkan oleh mahkamah iaitu bila suami tidak memberi nafkah seperti yang diperintahkan, kes memohon perubahan nafkah, samaada tambahan atau minta dikurangkan. Dalam satu kes siisteri mendakwa bekas suaminya nafkah yang sepatut dibayar kepada anak mereka untuk tempoh 10 bulan. Oleh sebab siisteri berpendapat bekas suaminya tidak akan mendapat memberi nafkah dimasa akan datang, dia berjanji kepada kathi tidak akan menuntut nafkah bagi pihak anaknya jika bekas suaminya membayar semua tanggakan bayaran. Mahkamah membuat keputusan yang walaupun siisteri berjanji tidak akan menuntut, perjanjian itu tidak melepaskan bekas suaminya sebagai seorang ayah dari tanggungjawabnya memberi nafkah.²¹

²⁰ Walaupun lebih mudah diselesaikan bersama, mahkamah tidak mahu mencantumkan kedua kes.

²¹ Hajjah Ramlah bte Haji Baba dengan Mahmud bin Arnan fail no: 58/73
Rekod Mahkamah Kathi Melaka Tengah.

JADUAL 4.4

KES-KUS MAL YANG DIRICARAKAN DALAM MAHKAMAH SYARIAH
TAHUN 1970 - 1975

Tahun	Faraiddh		Nafkah		Fasah		Tadlik		Talak		T.Talak		Harta S.		
	M.T	A.G	J	M.T	A.G	J	M.T	A.G	J	M.T	A.G	J	M.T	A.G	J
1970	29	-	-	30	27	21	16	29	6	1	-	10	-	-	-
1971	40	-	-	32	18	27	27	13	5	-	24	8	-	3	-
1972	"	-	-	19	23	32	37	6	-	1	23	9	-	-	1
1973	52	-	-	10	21	15	-	20	4	-	12	18	-	1	-
1974	48	-	-	13	10	19	20	17	8	4	20	11	-	10	-
1975	61	-	-	*	10	3	11	25	4	13	3	5	-	20	-

Sumber: Rekod-rekod Mahkamah

Catitan: M.T = Melaka Tengah

A.G = Alor Gajah

J = Jasin

T = Tebus

S = Sepencarian

* = Lapuran tidak boleh didapati

Kerap kali pihak yang dituntut tidak dapat menghadirkan diri dengan memberi berbagai alasan, banyak juga yang enggan menerima saman, kadang-kadang si suami menawarkan dirinya untuk menjaga anak itu kerana tidak mampu untuk memberi nafkah walaupun. mampu beristeri dan menggugong anak isteri baru. ²²

c) Harta Sepencarian

Undang-undang mengenai harta sepencarian adalah berasal dari adat Melayu yang sekarang dimasukkan dalam peruntukan s.40 (2)(b)(iv).²³ Menurut Undang-undang ini seorang isteri adalah berhak terhadap $\frac{1}{2}$ dari tanah yang mereka punyai jika dia menolong mengerjakan tanah itu dan $\frac{1}{3}$ jika dia tidak.

Jadual 4.4 menunjukkan hanya ada 2 kes mengenai harta sepencarian dalam tempoh 6 tahun. Ini samada disebabkan pihak-pihak telah menyelesaikan perkara diluar mahkamah atau si isteri tidak tahu akan haknya²⁴ ataupun dia merasa tidak ada harapan baginya untuk mendapat bahagian kerana harta adalah atas nama suami.

²²

Saniah bte Endin dengan Dirin bin Rono, Fail no. 67/64
Rekod Mahkamah Kathi Melaka Tengah.

²³

Sobelman Enakmen, mengikut C.N. Taylor, "Malay Family Law," JIBRAS, Jilid XV, Bhg. 2 hal. 29, dalam kes Rasimah lawan Said dikatakan undang-undang mengenai harta sepencarian tidak berkenaan kepada Negeri-negeri Selat.

²⁴

Dari temuramah saya dengan orang Kampong Bukit Rambai, dari 10 orang tidak seorang pun mengetahui istilah atau undang-undang harta sepencarian.

f) Warisan

Perkara warisan orang Islam di Melaka biasanya diuruskan oleh Pemegang Amanah Raya dengan kuasa yang diberi oleh Ordinan Pentadbiran Pusaka Kecil jika harta lebih dari \$20,000 dan jika kurang dari \$20,000 oleh Pegawai Daerah. Tugas Mahkamah Syariah ialah seperti yang disebut oleh s. 43 iaitu mengeluarkan sijil yang dipanggil akuan faraidh kepada orang yang berhak mengikut kenyataan dan keputusan yang dibuat oleh Pemegang Amanah, Pegawai Daerah atau Peguam. Mahkamah Kathi diberi kuasa mengeluarkan akuan faraidh jika harta itu bernilai kurang dari \$5,000 dan jika bernilai lebih dari itu dikeluarkan oleh Mahkamah Kathi Besar.

Kathi hanya bolih mendengar pihak-pihak bila menentukan soal-soal Undang-undang, tidak bolih mendengar soal nyataan dan dalam soal-soal yang rumit, kathi bolih merujuk kepada Jawatan kuasa Syariah. Jadual 4.4 menunjukkan jumlah surat akuan faraidh yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah Kathi Besar (walaupun tugas ini bolih dibuat oleh Mahkamah Kathi Daerah).²⁵

25

Bila lihat Surat Akuan Pembahagian Harta Pusaka (Faraidh) dalam Appendix 13.

2. Bidangkuasa Jenayah

Mahkamah Syariah diberi kuasa untuk membicarakan kesalahan yang disebut dalam bahagian IV. Dari 23 kesalahan (lihat s. 140 hingga s. 166) hanya 7 daripadanya buat setakat ini telah dibicarakan dalam Mahkamah Syariah. 16 kesalahan lagi, walaupun berada dalam bidangkuasa mahkamah, tidak pernah dibicarakan samada tidak ada aduan atau tidak ada orang membuat kesalahan.

Kesalahan yang biasa dibicarakan ialah Khalwat, Perse-
tubuhan Haram, Aniaya isteri, Tidak taat kepada suami, Tidak
sembahyang Jumaat, Tidak bayar fitrah dan Tidak berpuasa.

a) Khalwat

Adalah menjadi kesalahan bagi seorang lelaki Islam
berkediaman dan bersekedudukan yang mendatangkan syak dengan
seorang perempuan yang bukan Muhrimnya dan seorang wanita yang
bersubhat itu bolih dikenakan hukuman yang sama seperti lelaki
itu.

Jadual 4.5 menunjukkan dalam 6 tahun tidak kurang dari
3 kes dibicarakan dalam satu tahun, dan dalam tahun 1971 terdapat
24 kes khalwat.

Tindakan biasanya diambil oleh Ketua Kampong bagi pihak
Pendakwa Ugama. Biasanya mereka akan memerhatikan pasangan itu

dan jika didapati pasangan telah berduaan hingga mendatangkan syak lebih dari 3 kali, mereka akan ditangkap oleh Imam atau Ketua Kampong. Jika keduanya berjanji akan bernikah mereka tidak dihadapkan ke mahkamah, banyak pasangan memilih untuk berkahwin dari dibicarakan.

Dalam satu kes, A telah ditangkap kerana berkhawat dengan B, bila Sidang kampong menangkap mereka, kedua berjanji untuk bernikah pada keesokannya. Keesokan harinya B (lelaki) telah melarikan diri dan A telah dihadapkan ke mahkamah seorang diri dan menerima hukuman diatas pengakuan salah yang dibuatnya.²⁶

Dalam kes kedua, pasangan tidak mengalusi atas tuduhan yang dibuat keatas mereka dengan alasan mereka tidak membuat apa-apa perkara sumbang walaupun berada dalam satu bilik yang mempunyai cahaya yang samar cukup mendatangkan syak seperti yang dimaksudkan oleh Undang-undang. Ini menunjukkan mereka tidak mengerti apa yang dikatakan Khalwat walaupun mengikut Pendakwa Ugama, mereka telah mengaku mengerti makna Khalwat bila tuduhan diterangkan. Ini menunjukkan masih ada lagi umat Islam tidak mengerti makna Khalwat walaupun telah banyak publisiti yang diberi dalam akhbar.²⁷

26

Rogayah bte Haji Yahya dan Mat Idris Ibrahim, fail no. 9/76
Rekod Mahkamah Kathi Besar Melaka.

27

Saiyah bte Husin dan Ahad bin Baba, fail no. 65/75
Rekod Mahkamah Kathi Besar Melaka.

b) Persetubuhan haram

Kesalahan ini adalah dibicarakan oleh Mahkamah Kathi Besar²⁸ seperti yang ditunjukkan oleh jadual 4.5. Mahkamah Kathi Besar walaupun berpejabat di Melaka Tengah, bolih bersidang di Alor Gajah dan Jasin juga. Kes ini adalah dihakimkan oleh Kathi Besar dan pendakwaan dijalankan oleh Pendakwa Ugama.

Persetubuhan haram yang dibicarakan setakat ini adalah diantara lelaki dengan seorang perempuan lain yang belum atau tidak bersuami seperti maksud s. 149(3).

Biasanya wanita yang berkenaan akan datang membuat pengakuan ke mahkamah setelah dia mendapat anak hasil dari perhubungan itu. Ini mungkin kerana dia cuba mendapat pertolongan mahkamah mencari lelaki yang bertanggungjawab atau kerana desakan Imam-imam kampung. Kalau keduanya hadir pihak-pihak lebih suka membuat pengakuan salah jika mereka telah benar-benar melakukan kesalahan itu.

Dalam satu kes siayah telah dituduh melakukan persetubuhan haram dengan dua orang anaknya sendiri, kedua-dua anak didapati bersalah dengan pengakuan salah yang dibuatnya tetapi siayah lepas dari tuduhan kerana tidak ada bukti menyokong kes Pendakwa Ugama.²⁹

28

Oleh sebab s. 149 memperuntukan hukuman maksima untuk kesalahan ini ialah 6 bulan penjara atau denda \$500/-

29

Abd. Ghani bin Abdullah, Ramlah bte Abd. Ghani fail no. 58/75
Rekod Mahkamah Kathi Besar Melaka.

c) Aniaya Isteri

Aniaya isteri adalah termasuk dalam definasi tidak memberi layanan yang sempurna kepada isteri yang dimaksudkan oleh s. 146 (2). Memukul isteri adalah satu penganiayaan fizikal yang biasa dilakukan. Kes ini adalah di dalam kuasa Mahkamah Kathi sebab hukuman maksimumnya ialah 14 hari atau denda tidak lebih dari 250/-. Jadual 4.5 menunjukkan terdapat 7 kes memukul isteri, 3 darinya berlaku di Alor Gajah dan 4 lagi berlaku di Jasin. Ini menunjukkan kebanyakan suami berlaku di Daerah luarbandar.

d) Tidak Taat Kepada Suami

Isteri yang tidak taat kepada suaminya boleh didenda oleh Mahkamah Kathi hingga 10/- kerana ini adalah satu kesalahan mengikut s. 147.

Kes biasanya dimulai dengan isteri yang enggan mengikut perintah suaminya datang mesohon kepada mahkamah untuk diceraikan. Jika, setelah mendengar keterangan dari pihak suami, didapati siisteri tidak patut engkar perintah suaminya, mahkamah akan memerintahkan siisteri patuh kepada kehendak suami dan mengenakan denda.

Jadual 4.5 menunjukkan kesalahan ini lebih banyak dilakukan dari kesalahan memukul isteri.

YANG JIYUAN YANG DIBICARAKAN TAHUN 1970-1975

Sumber : Balai Penyata Bulanan Mahkamah-mahkamah

A.C. = Mor Gajah

J
Jasin

a. = Aduan yang sama banyak juga diterima

* Laporan tidak boleh didapati

e) Tidak Sembahyang Jumaat

Ini adalah satu kesalahan mengikut s. 141 dan boleh didenda oleh Kathi hingga \$25/-. Pada hakikatnya sangat ramai lelaki Islam tidak menunaikan sembahyang Jumaat walaupun demikian dalam tempoh 6 tahun hanya ada 8 kes yang dibicarakan. Ini adalah disebabkan tanggungjawab untuk menangkap mereka-mereka ini terletak pada Imam kampung-kampung yang ada yang lebih suka menyerahkan soal ini kepada individu sendiri dan ada yang tidak mahu dibenci oleh anakbuahnya.

f) Tidak Membayar Fitrah

S. 163 menjatuhkan hukuman maksima 7 hari penjara atau \$100/- kepada sesiapa yang didapati bersalah tidak membayar fitrah. Jadual 4.5 menunjukkan sangat sedikit kesalahan ini dilakukan iaitu cuma 5 kes dalam tempoh 6 tahun. Adalah telah menjadi amalan Orang Islam di Melaka untuk berusaha sedaya upaya membayar fitrah yang dikenakan walau bagaimana miskin sekali pun mereka.³⁰

g) Tidak Berpuasa

Kesalahan ini mengikut s. 143 adalah termasuk kesalahan menjual makanan kepada orang yang tidak puasa. Kebanyakan dari mereka yang ditangkap kerana melanggar peruntukan ini di bandar-bandar.

³⁰ Berlainan sekali dengan mereka dari golongan berada, walaupun mereka sepatutnya membayar zakat harta atau perniagaan, mereka berusaha untuk mengelakkannya dan mahkamah nampaknya tidak cuma mengambil apa-apa tindakan (setakat ini tidak ada orang dituduh tidak membayar zakat)

C. Keterangan

Undang-undang Islam mempunyai Undang-undang Keteranganannya sendiri dan dalam s. 49 diperuntukkan:

"Mahkamah hendaklah mengikut segala peraturan Hukum Shara' yang berkenaan dengan bilangan, taraf dan rupa pendirian saksi atau keterangan yang dikehendaki bagi menyorangkan satu-satu kenyataan. Selain daripada yang disebutkan, mahkamah hendaklah mengambil perhatian di atas Undang-undang Keterangan yang berjalankuatkuasanya pada masa ini dalam negeri dan hendaklah mengikut di atas dasar undang-undang itu. Tetapi tidak terpaksa mengikutnya dengan tepat."

Di bawah diberi serba ringkas mengenai saksi seperti yang dimaksudkan oleh peruntukan itu.

1. Bilangan saksi

Bilangan saksi dalam Undang-undang Islam adalah mengikut kes-kes. Pada umumnya bilangan saksi untuk memberi keterangan mestilah lebih dari satu (kecuali saksi untuk melihat anak bulan). Zina mesti dibuktikan dengan 4 orang saksi, dalam lain kes termasuk membuktikan pengakuan salah bilangan minima saksi ialah 2 orang.³¹

2. Status saksi

Saksi dikehendaki bebas dari bias dan syak wasangka. Seseorang itu tidak bolih menjadi saksi bagi pihak keluarganya, walaupun bolih menjadi saksi bagi pihak lawan dalam kes itu. Keterangan seorang musuh

³¹ 2 orang lelaki atau 1 orang lelaki dan 2 orang perempuan.

tidak bolih diterima tetapi keterangan yang memberi faedah (favourable disposition) seorang musuh bolih diterima. Dalam surat panggilan mahkamah kepada pihak berkenaan, pihak-pihak diminta membawa saksi yang tidak ada hubungan darah dengan mereka.

Kebenaran (credibility) seorang saksi bolih diuji oleh pihak lawan semasa pemeriksaan balas. Pada amalnya tidak ada pemeriksaan balas hanya mahkamah dapat menentukan samaada seorang saksi bolih dipercayai atau tidak kerana mahkamah (kathi) sahaja berminat untuk menguji dan dia diberi hak menguji pada bila-bila masa.³²

3. Kualiti saksi

Saksi dikehendaki bebas, dewasa, siuman, tidak dapat dicela dan mempunyai kerekter yang serious dan tidak mencurigakan. Tidak dapat dicela bermaana saksi itu tidak pernah melakukan dosa-dosa besar. Kerekter yang serious bermaana kelakuannya dihormati oleh masyarakat dan tidak mencurigakan bermaana orang yang tidak membiarkan dirinya dipengaruhi oleh idea-idea untuk mendapat faedah atau melindungi dirinya dari kerosakan.³³

³² Dalam pembicaraan kes jenayah, Yang Dituduh tidak pernah berminat untuk menguji saksi-saksi pihak Pendakwa Ugama, ini mungkin disebabkan mereka tidak tahu hak mereka untuk menyoal balik atau merasa kekok untuk menyoalnya tanpa seorang peguam bela bertindak bagi mereka.

³³ Dr. Ahmad Ibrahim, Islamic Law In Malaya Malaysian Sociological Research Institute Ltd., Singapore 1965, hal. 370.

Syarat-syarat di atas nampaknya difahami benar oleh pihak yang membawa saksi sebab saksi-saksi yang dipanggil untuk memberi keterangan terdiri dari Ketua kampung dan Imam bagi kes jenayah dan dalam kes sivil pun pihak Yang Menuntut akan membawa saksi yang nampak pada zahirnya boleh dipercayai seperti seorang guru³⁴ atau pegawai polis.³⁵

4. Testimoni secara langsung dan testimoni dengarcakap

Biasanya dalam pembicaraan jenayah seperti khalwat saksi dipanggil untuk memberi keterangan secara langsung iaitu memberi keterangan yang dia benar melihat pasangan yang dituduh berdua-duaan dalam keadaan yang mendatangkan syak. Begitu juga dalam kes mal seperti permohonan fasah atau taklik, saksi dikehendaki memberitahu mahkamah samaada sisuami ada meninggalkan lain-lain harta untuk di jadikan nafkah jika fasah diminta atas alasan tidak ada nafkah.

³⁴ Rokiah bte Baba dengan Misran bin Husain fail nb: 15/76
Rekod Mahkamah Kathi Melaka Tengah.

³⁵ Salbiah bte Abdul Karim dengan Abu Bakar bin Dol fail no: 11/76
Rekod Mahkamah Syariah Melaka Tengah, tetapi dalam kes Abdul Ghani dan Ramlah dan Salmah Abdul Ghani, kedua pperempuan yang dituduh pada pendapat saya tidak berapa siuan atau bersifat kebodohan, A misalnya tidak mengetahui bila dia dilahirkan dan tidak berkata sepatah pun dan tidak menjawab pertanyaan kathi. Pada pendapat saya dia tidak layak untuk menjadi saksi bagi dirinya apalagi menerima pengakuan salahnya Kathi telah mensabitkan mereka dengan kesalahan diatas pengakuan salah yang dibuat.

Mengikut Pendakwa Ugama testimoni seorang pakar boleh digunakan oleh mahkamah. Satu contohnya ialah testimoni doktor untuk membuktikan kecederaan yang dideritai oleh isteri dalam kes aniayai isteri. Walaupun demikian keterangan doktor dalam ujian darah dalam kes persetubuhan haram iaitu untuk membuktikan adalah anak pada masa ini belum lagi diterima sebagai keterangan.

5. Pengakuan salah atau ikrar

Pengakuan salah Yang Dituduh adalah diterima dalam Undang-undang Keterangan Islam. Hampir semua kes-kes persetubuhan haram dan khalwat dibuktikan dengan cara ini. Seperti Undang-undang Keterangan biasa, pengakuan salah hanya diterima jika tidak ada unsur ancaman dan pujukan, diterima jika mahkamah puas hati ianya dibuat dengan sukarela. Pengakuan yang dibuat di luar mahkamah hanya sah jika dibuktikan oleh 2 orang saksi. Dalam banyak kes Yang Dituduh membuat pengakuan salah dengan harapan kathi akan menjatuhkan hukuman yang lebih ringan kerana telah berterus terang.

D. Acara

Enakmen 1959 memperuntukkan acara-acara tertentu mengenai kes mal dan jenayah.

1. Acara Am

S. 44 memperuntukkan yang Mahkamah Kathi dikehendaki mempunyai mohor atau setem yang dipersetujui oleh Yang DiPertuan Agong dan surat panggilan yang dikeluarkan oleh mahkamah mestilah ditandatangani oleh pegawai mahkamah.

Bahasa pembicaraan adalah Melayu dan semua dokumen boleh ditulis dalam tulisan jawi atau rumi. Pada masa ini mahkamah menggunakan tulisan rumi untuk surat menyurat, borang, saman dan rekod kes-kes ditulis dengan jawi.

Walaupun s. 46 membenarkan peguambela dan peguamcara bertindak bagi pihak-pihak, tidak pernah dalam sejarah kehakiman Mahkamah Syariah peguam bertindak bagi pihak-pihak. Walaupun demikian mengikut Mufti yang dahulunya menjadi Kathi Besar ada dua orang peguam cuba membela, permohonan mereka ditolak atas alasan kedua mereka bukan Islam dan tidak tahu Acara dan Undang-undang Islam. Keadaan ini misalnya berbeza dengan di Perak dimana Mahkamah Syariah menyediakan Peguam Syariah untuk sesiapa yang memerlukan.

Surat panggilan mahkamah dihantar oleh seorang pekerja khas yang dipanggil Penghantar Saman, jika hantaran itu dalam Negeri Melaka, jika diluar Melaka hantara dibuat dengan bantuan Mahkamah Syariah tempat yang berkenaan. Penyampaian juga dibuat dengan bantuan Biro Bantuan Guaman.³⁶

³⁶ Kes Sarjan Hashim bin Ujang fail no: 15/71 Rekod Mahkamah Kathi Melaka Tengah, saman yang dikeluarkan oleh mahkamah tidak dapat disampaikan kepada pihak Yang Dituntut walaupun dengan bantuan Ketua Polis Daerah. Ianya sampai ketangan Dituntut setelah Biro Guaman menghubungi Ketua Polis Negara.

Surat panggilan mesti disampaikan kepada orang itu sendiri tetapi dalam kes mal bolih digunakan hantaran cara lain, jika dengan sebab-sebab tertentu ianya tidak dapat diserahkan sendiri pada orang yang berkenaan.

Tertakluk kepada mana-mana undang-undang yang lain, mahkamah bolih mengeluarkan saman kepada sesiapa untuk datang memberi keterangan ataupun memunjukkan surat yang ada dalam simpannya, setiap saman hendaklah disampaikan kepada orang itu sendiri dan orang yang menerima saman itu adalah bertanggung untuk mematuhi perintah dalam saman. Pada asalnya hanya saksi kes jenayah yang dipanggil oleh mahkamah, dalam kes mal, Yang Menuntut dikehendaki membawa saksinya sendiri, hasilnya seperti yang berlaku dalam satu kes, oleh sebab mahkamah lambat bersidang dari masa yang sepatutnya ia dikatakan bersidang, saksi yang dibawa oleh seorang isteri yang ingin minta cerai telah balik menyebabkan kesnya ditangguhkan. Tanpa campurtangan mahkamah nampaknya seorang saksi itu tidak merasa bertanggung untuk datang memberi keterangan. Saksi-saksi datang kerana membuat satu "favour" kepada pihak-pihak kerana mereka tidak menerima saman dari mahkamah, dan seperti kes tadi wanita itu nampaknya terpaksa mengawal saksinya.

Mahkamah bolih menangguhkan pembicaraan, jika satu pihak dalam pembicaraan tidak hadir. Dalam kes nafkah dan perceraian pembicaraan kerap kali ditangguhkan dan jika pada kali kedua pihak suami tidak hadir juga pembicaraan akan diteruskan dengan permintaan Yang Menuntut.

Dalam kes jenayah, pembicaraan akan ditangguhkan jika ada pertelingkahan nyataan. Pada amalnya, mahkamah tidak suka menangguhkan pembicaraan sebagai buktinya Kathi Daerah Melaka Tengah akan terus menjalankan pembicaraan untuk 6 atau 7 kes sehari tanpa rihat.

Pembicaraan adalah terbuka kepada orang ramai, tetapi biasanya pembicaraan mal tidak menarik hati awam, sebaliknya dalam kes-kes khalwat dan persetubuhan haram mereka yang tidak terlibat termasuk kakitangan pejabat pun turut hadir.

2. Acara Mal

a) Permulaan Tindakan

Pembicaraan dimulakan dengan menghantar tuntutan bertulis atau membuat pengaduan sendiri kepada Pemeriksa Mal-ehwal Ugama (diperingkat ini juga ada usaha untuk menyelesaikan kes di luar mahkamah). Jika pengaduan dibuat secara lisan, mahkamah dikehendaki menulis tuntutan itu bagi pihak Yang Menuntut dan hendaklah ditandatangani dan diserahkan olehnya.³⁷ Dalam tuntutan akan mengandungi nama, alamat dan penerangan mengenai kedua pihak dan penyata ringkas mengenai tuntutan itu.

³⁷

Sila lihat Surat Aduan dalam Appendix 14 dan segala yuran-yuran untuk kes-kes mal dalam Appendix 17 jadual A dan Jadual B.

Mahkamah boleh menjalankan dua atau lebih pembicaraan bersekali jika pembicaraan itu berbangkit dari perkara yang serupa mengenai nyataan dan undang-undang. Oleh sebab itu tuntutan nafkah eddah biasanya disertakan dengan tuntutan mutaah dan maskahwin dan tuntutan nafkah anak dibuat dengan tuntutan nafkah isteri.

Mahkamah selepas itu dikehendaki mengeluarkan saman kepada Yang Dituntut. Saman itu memerintahkan Yang Dituntut hadir menjawab tuntutan itu ditempat, hari dan waktu yang ditentukan dan hendaklah memberi amaran iaitu jika dia tidak hadir mahkamah boleh membenarkan tuntutan terhadapnya.

Yang Dituntut boleh membuat pembelaan bertulis, yang dibuat kepada mahkamah. Jika Yang Dituntut tidak menyerahkan pembelaannya yang bertulis pada mula-mula dia hadir dan tidak mahu berbuat demikian tetapi ingin menjawab tuntutan itu, maka mahkamah hendaklah menyolidik dengan bercakap-cakap akan alasan pembelaannya dan tidaklah boleh membawa alasan yang lain dengan tidak kebenaran mahkamah. Mahkamah boleh membenarkan Yang Dituntut membuat tuntutan balas atau mencadangkan supaya pembicaraan baru diadakan.

Yang Menuntut boleh menarek balik pembicaraan pada bila-bila masa sebelum hukuman dijatuhkan tetapi dia mesti menjelaskan semua perbelanjaan dan selepas itu tidak boleh membuat pembicaraan baru ke atas perkara itu tanpa kebenaran mahkamah.

Pihak-pihak yang ambil bahagian bolih membuat penyelesaian pada bila-bila masa dan mahkamah hendaklah, jika diminta oleh pihak-pihak merekodkan syarat-syarat penyelesaian.

b) Pembicaraan

Jika masa pembicaraan telah sampai Yang Menuntut tidak hadir pembicaraan itu bolih dibuang. Jika Yang Menuntut hadir tetapi Yang Dituntut tidak hadir, Yang Menuntut bolih menerangkan tuntutananya dan mahkamah bolih menjatuhkan hukuman tetapi mahkamah bolih dengan fikirannya sendiri menangguh pembicaraan itu dan bolih menjalankan pembicaraan di atas tuntutan balas sungguhpun tuntutan asal telah dibuang.

Jika Yang Dituntut menerima tuntutan, mahkamah bolih memberi keputusan kepada Yang Menuntut tanpa mengambil keterangan.

Mengenai proses pembicaraan sendiri s. 77 (3), (4), (5) dan (6) memperuntukkan:

- (3) Jika pihak Yang Dituntut hendak menjawab maka pihak yang akan kena hukum mengikut jawapan dan pengakuan, jika tidak ada sebarang keterangan diambil oleh mahkamah, adalah berhak memulakan memberi keterangan dahulu.
- (4) Tiap-tiap pihak bolih menerangkan kepada mahkamah pendirian-nya masing-masing dan lepas itu memberi keterangan dan memanggil saksi-saksi yang akan diperiksa dan bolih disoal balas, diperiksa semula dan disoal oleh mahkamah dan di panggil balik seperti yang disebut dalam s. 61 di dalam undang-undang ini bagi bicara jenayah. Lepas selesai memberi keterangan tiap-tiap pihak bolihlah menerangkan balik kebenarannya masing-masing tetapi pihak yang memulakan pembicaraan hendaklah kemudian sekali bercakap.

- (5) Mahkamah bolihlah mengambil keterangan yang difikirkannya mustahak. Tetapi mana-mana pihak pun tidak dipaksa memberi keterangan jika dia tidak suka.
- (6) Lepas itu mahkamah hendaklah memberi hukumannya di dalam mahkamah terbuka kepada orangmanai samaada pada masa itu juga ataupun pada masa yang lain tetapi pihak yang berkenaan mestilah diberitahu.

Pada amalnya (dalam lebih dari 10 kes mal yang saya saksikan) pembicaraan akan dimulai dengan kathi menanyakan butir-butir tentang diri Yang Menuntut dan kemudian mengenai Pihak Dituntut. Lepas itu kathi akan bertanya dari Yang Menuntut akan aduannya. Selepas mendengar aduan dari Yang Menuntut mahkamah akan bertanya kepada Yang Dituntut, samaada dia menerima saman dan faham kandungan saman itu. Jika Yang Dituntut menerima segala tuntutan dalam saman perbicaraan diteruskan dengan penyelesaian tolak ansur antara pihak-pihak. Dalam kes demikian tidak ada saksi diperlukan kerana Yang Dituntut telah mengaku aduan Yang Menuntut sebagai benar. Kerapkali jika itu adalah tuntutan nafkah yang belum dibayar berserta dengan tuntutan untuk bayaran tambahan atas alasan anak telah besar misalnya, pihak-pihak akan tawar menawar dengan kathi sebagai Pengadil yang akan memberi keputusan akhir.

Jika Yang Dituntut tidak hadir, biasanya dalam kes perceraian, kathi akan bermula dengan bertanyakan butir-butir mengenai diri Yang Menuntut dan Yang Dituntut melalui Yang Menuntut dan latar belakang perkahwinan mereka. Yang Menuntut akan diminta mengeluarkan saksi-

saksi menyokong tuntutananya iaitu membuktikan yang sisuani tidak memberi dan meninggalkan apa-apa harta untuk dijadikan nafkah. Saksi-saksi yang dipanggil hanya dikehendaki membuat pengakuan sahaja³⁸ sebelum memberi keterangan. Setelah mendengar keterangan saksi (saksi-saksi dalam kes yang disaksikan tidak pernah diperiksa balas) beberapa minit setelah menimbangkannya kathi akan membuat keputusan. Setakat ini kathi tidak pernah menanggohkan keputusan kepada hari lain.

c) Keputusan dan Penguatkuasaan

Dalam kes fasah dan taklik jika tidak dapat dielakkan, mahkamah akan menjatuhkan talak 1 untuk memberi peluang kepada pihak-pihak untuk merujuk kembali. Dalam tuntutan nafkah misalnya kathi akan melihat keadaan dan keperluan anak dan kemampuan ayahnya dalam menentukan jumlah nafkah dan dalam menimbangkan permohonan untuk nafkah tambahan. Di atas permohonan isteri, mahkamah semasa memberi keputusan memerintahkan suami membayar nafkah anak melalui mahkamah, ini mengelakkan apa-apa tuntutan tidak menerima nafkah kemudiannya dan memudahkan pihak-pihak.

³⁸ Mahkamah berpendapat bersumpah dengan cara Islam sebelum memberi keterangan adalah satu perkara yang berat dan tidak bermahana, saksi-saksi tetap berbohong jika mereka hendak tanpa memikirkan akibatnya. Ada pula lebih suka bersumpah di dalam Masjid Kampung Hulu yang dianggap oleh penduduk Islam Melaka sebagai satu masjid berkeramat dari bersumpah dalam mahkamah.

Pada masa ini penguatkuasaan keputusan nafkah dijalankan dengan bantuan Biro Bantuan Guaman³⁹ dan Jabatan Hal-ehwal Kebajikan Masyarakat Negeri. Berikutannya dengan kuasa yang diberi oleh s. 80 Enakmen 1959,⁴⁰ Mahkamah Pengadil bolih menguatkuasakan perintah itu. Mahkamah Kathi juga bolih membuat perintah tahanan pendapatan tenaga seperti yang diperuntukkan oleh s. 4 Enakmen Perempuan Bersuami dan Kanak-kanak (Penguatkuasaan Nafkah).⁴¹

3. Acara Jenayah

a) Pemulaan Tindakan

Pengaduan yang berkehendakkan pendakwaan hendaklah dibuat dengan bertulis atau lisan kepada Pemeriksa Hal-ehwal Ugama. Jika dibuat dengan lisan hendaklah ditulis oleh Pemeriksa dan beliau hendaklah menyuruh SiPengadu bersumpah atau mengaku di atas kebenaran pengaduannya itu.

³⁹Sejak ditubuhkan dalam bulan Julai 1975, Biro Bantuan Guaman Negeri telah menguruskan 19 kes nafkah, 2 darinya ialah kes untuk menguatkuasakan perintah nafkah. Ini adalah dibuat dengan kuasa yang diberi kepada Pegawai Biro yang berkenaan oleh Akta Mahkamah Rendah, jadual 3, s. 18 (5) dan Akta Bantuan Guaman 1971 Jadual I s. 1.

⁴⁰S. 80 (1) berbunyi: Jika barang siapa terikat kepada mana-mana hukuman atau perintah yang dijatuhkan oleh satu mahkamah tidak mengikut hukuman atau perintah itu dalam masa yang dalam pertimbangan mahkamah berpatutan, maka mahkamah itu bolihlah dengan permintaan sesiapa yang ada hak atau mendapat faedah dihukuman itu atau perintah itu ataupun dengan kehendak mahkamah itu sendiri menghantar satu salinan hukuman dan perintah yang diakui sah kepada mana-mana Mahkamah Pengadilan yang berkuasa ditempat itu bersama dengan satu permintaan supaya hukuman itu atau perintah itu bolih dijalankan oleh Mahkamah Pengadil itu.

⁴¹Sila lihat Borang Perintah Pendapatan Tenaga dalam Appendix 15.

Mahkamah boleh menolak daripada mengambil satu tindakan di atas pengaduan itu jika tidak berguas hati bahawa ada sebabnya yang boleh dipercayai bahawa satu kesalahan telah dilakukan.

Apabila menerima pengaduan itu, mahkamah boleh mengeluarkan saman kepada Yang Dituduh menyuruhnya hadir di mahkamah pada masa dan tempat yang ditentukan. Dalam saman hendaklah disebut kesalahan Yang Dituduh dan fasal di dalam Undang-undang di bawah mana kesalahan itu boleh dihukum. Jika Yang Dituduh tidak mengikut perintah saman yang sudah diberikan kepadanya ataupun kesalahan itu satu kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara dan ada sebab-sebab yang boleh memberi kepercayaan bahawa saman itu tidak akan menjadi berguna oleh sebab Yang Dituduh tidak dapat dicari ataupun harus dia tidak mengikut perintah saman itu maka bolihlah mahkamah mengeluarkan waran kepada Ketua Polis dan juga Pegawai Polis dalam negeri menyuruh mereka menangkap Yang Dituduh itu dan dibawa ke hadapan mahkamah.⁴²

Mana-mana Pegawai Polis dan jika diketahui Pegawai Polis tidak ada, mana-mana Penghulu atau mana-mana Naib Penghulu atau mana-mana Ketua Kampong atau seorang pegawai yang dilantik oleh Yang DiPertuan Agong (Pemeriksa Hal-ehwal Ugama) boleh menangkap dengan tiada waran akan:

⁴² Sila lihat Surat Perintah Tangkap dalam Appendix 5.

- (a) Sesiapa yang sudah membuat kesalahan atau mencuba membuat kesalahan dihadapannya ini kesalahan di dalam Enakmen 1959 yang akan merosakkan keharmonian atau
- (b) sesiapa yang sudah melakukan dihadapannya sebarang kesalahan di dalam Enakmen 1959 dan apabila diminta enggan atau tiada dapat memberi nama dan tempat tinggalnya yang penuh dan terang atau
- (c) sesiapa yang sudah dikeluarkan waran keatasnya di bawah Enakmen i walaupun waran itu tiada di dalam tangannya dan hendaklah membawa atau pun mengusahakan supaya dibawa orang Yang Dituduh itu ke dalam mahkamah dengan tiada lengah dalam masa dua puluh empat jam daripada orang itu ditangkap.

Apabila seseorang Yang Dituduh dibawa ke mahkamah, mahkamah itu boleh membicarakan tuduhan di atasnya atau menangguhkan pembicaraan dan Yang Dituduh boleh mengikat jamin.

Pendakwaan adalah dijalankan oleh Pendakwa Ugama dan tuduhan yang dibuatnya hendaklah mengandungi kenyataan yang cukup bagi kesalahan itu dan tuduhan boleh dipinda sebelum Yang Dituduh dihukum.

b) Pembicaraan

Mana-mana kebenaran yang dikehendaki bagi menjalankan dakwaan hendaklah disahkan oleh Mahkamah.

Tuduhan hendaklah dibacakan dan diterangkan kepada Yang Dituduh. Jika dia membuat pengakuan salah dia boleh dihukum dengan pengakuan itu tanpa memanggil saksi-saksi. Jika Yang Dituduh minta bicara atau tidak mengaku salah, Pendakwa dikehendaki menyatakan dengan ringkasnya perkara yang hendak diterangkan dan memberitahu tentang kedudukan undang-undang yang berkenaan dan selepas itu memanggil saksi.

Pada masa menyoal saksi-saksi walaupun pihak-pihak diberi peluang untuk membuat pemeriksaan balas, Yang Dituduh umpamanya jarang menggunakan peluang ini untuk menentukan kebenaran saksi-saksi. Mahkamah biasanya akan menyoal saksi-saksi dan jika mahkamah berpuas hati dengan keterangan saksi Pendakwa (biasanya demikian) mahkamah hendaklah menyuruh Yang Dituduh membela diri, sebaliknya jika keterangan saksi Pendakwa tidak memuaskan mahkamah, pembicaraan hendaklah dibuang.

Semasa membuat pembelaan Yang Dituduh boleh memberi keterangan dengan bersumpah atau boleh memberi keterangan yang tidak bersumpah atau membuat pengakuan, dimana dalam keadaan demikian dia tidak boleh disoal balas atau pun boleh berdiam diri. Jika dia membuat keterangan bolihlah dia disoal balik, tetapi tidak boleh disoal atas kelakuan atau di atas kesalahan yang tidak dituduh di

atasnya. Dalam semua pembicaraan yang disaksikan, Yang Dituduh memilih untuk memberi keterangan tidak bersumpah tanpa mengetahui perbezaan diantara memberi keterangan bersumpah dengan memberi keterangan tidak bersumpah.

Yang Dituduh kemudiannya memanggil saksi-saksi yang dibawa sendiri dan bolih menerangkan pembicaraan itu bagi dirinya dan pendakwa bolih menjawab pencerangan itu.

Setelah mendengar semua pihak, mahkamah dikehendaki samaada mensabitkan kesalahan di atasnya atau melepaskan Yang Dituduh dari tuduhan. Jika Yang Dituduh didapati bersalah, mahkamah bolih memberitahu kesalahan yang dahulu dan dikehendaki memberi perhatian di atas permintaan kasihan belas dari Yang Dituduh. Hukuman mengikut undang-undang dikehendaki diterangkan oleh mahkamah.

c) Keputusan dan penguatkuasaan

Jika Yang Dituduh didapati bersalah kathi semasa menjatuhkan hukuman biasanya menimbangkan permintaan belas kasihan dan keadaan diri Yang Dituduh. Jika Yang Dituduh mengaku salah dari awal pembicaraan mahkamah akan menimbangkan sifat kejujuran ini untuk merengangkan hukuman. Walaupun demikian dalam tahun 1975, kathi-kathi di Melaka telah diarahkan supaya jangan menjatuhkan hukuman yang kurang dari separuh dari hukuman maksima, ini disebabkan hukuman-hukuman yang diberi oleh Mahkamah 1959 itu adalah jauh lebih rendah dari lain-lain negeri.⁴³

⁴³ Perkara ini diberitahu oleh Kathi Jasin, arahan yang berkenaan tidak bolih didapati.

Dalam menguatkuasakan hukuman seperti yang disebut dalam s. 80 mahkamah akan meminta kerjasama Pengadil dan pihak polis yang seterusnya membawa Yang Dituduh bila telah disabitkan kepenjara jika dia dihukum penjara. Jika Yang Dituduh dijatuhkan hukuman membayar denda dan mampu membayar denda setelah diberi tempoh untuk menjelaskannya dia hanya akan dibebaskan dengan ikatan jamin.

II. Rayuan

Segala rayuan dari keputusan kathi-kathi adalah dirayukan kepada Jawatankuasa Ulangbicara yang bertindak sebagai Mahkamah Rayuan (lihat rajah 4.2 Hiraki Mahkamah). Jawatankuasa Ulangbicara adalah ditubuhkan di bawah peruntukan s. 41. Ianya terdiri dari Mufti dan 7 atau lebih orang Islam yang layak dan sesuai untuk membentuk panel dari mana Jawatankuasa 3 orang akan dilantik untuk mendengar rayuan.

Rayuan Jenayah hanya dibenarkan jika seseorang itu telah disabitkan dan dihukum penjara atau yang telah didenda tidak kurang dari \$25/- rayuan itu bolih mengenai sabitan, hukuman atau keduanya. Dalam bidangkuasa sivilnya pula oleh sesiapa yang tidak puashati dengan keputusan mahkamah, jika nilai perkara dalam rayuan tidak kurang dari \$100/-, dan dalam semua kes yang melibatkan semua keputusan status seseorang oleh sesiapa yang tidak puashati dengan keputusan itu dan dalam semua kes berkaitan dengan nafkah oleh sesiapa yang tidak puashati dengan keputusan itu. Selain dari kes-kes itu, rayuan bolih dibuat juga dengan mendapat kebenaran untuk merayu dari Jawatankuasa terlebih dahulu. Tidak ada rayuan bagi keputusan yang dibuat dengan kerelaan.

Apabila terdapat rayuan, Yang DiPertua akan memilih 3 orang dari 7 orang panel untuk membentuk Jawatankuasa Ulangbicara untuk mendengar rayuan itu dengan Mufti sebagai Pengerusi. Setelah mendengar rayuan, dalam kes jenayah, Jawatankuasa boleh membatalkan sabitan, membatalkan atau mengurangkan hukuman atau memerintahkan pembicaraan semula. Dalam perkara mal pula, Jawatankuasa boleh mengesahkan, membalikkan atau mengubah keputusan mahkamah yang membicarakan, menggunakan apa-apa kuasa mahkamah yang membicarakan boleh gariskan, membuat perintah seperti mana mahkamah yang membicarakan sepatutnya buat atau memerintahkan pembicaraan semula.

1. Acara Rayuan Mal

Rayuan dimulakan dengan mengfailkan dalam mahkamah yang membuat keputusan, notis rayuan yang ditujukan kepada mahkamah dengan membayar yuran yang ditetapkan. Mahkamah kemudiannya akan menghantar satu salinan notis kepada pihak Yang Menjawab.

Notis rayuan tidak boleh difailkan selepas tempoh 14 hari dari tarikh keputusan atau perintah yang dirayuikan diberi atau dibuat, melainkan dengan adanya permohonan khas kepada Jawatankuasa. Jawatankuasa boleh jika pada pendapatnya terdapat keadaan istimewa yang menjadikan pemanjangan (masa) adil, memberi kebenaran untuk merayu selepas tempoh 14 hari tamat. Setelah menerima notis rayuan, pegawai yang berkenaan mahkamah akan menyediakan alasan-alasan keputusan dan

menyerahkan kepada Yang Merayu salinan asal itu, salinan catetan pembicaraan dan salinan-salinan lain-lain dokumen yang dikehendaki oleh Yang Merayu untuk menyediakan rekod.

Bila dokumen-dokumen di atas sedia, mahkamah hendaklah memberi notis perkara itu kepada Yang Merayu dan dalam masa 21 hari selepas menerima notis itu Yang Merayu hendaklah mengfailkan dalam mahkamah itu salinan yang lengkap rekod rayuan. 4 salinan rekod hendaklah dikemukakan oleh mahkamah kepada Yang DiPertua dan satu salinan hendaklah diberi kepada Yang Menjawab dalam rayuan itu. Rekod rayuan hendaklah mengandungi permohonan yang ditujukan kepada Jawatankuasa Ulangbicara menyebut alasan-alasan bantahan Yang Merayu terhadap keputusan atau perintah yang dirayukan, satu salinan plaint, satu salinan jawapan bertulis, salinan semua exhibit dan keterangan dokumen, salinan keputusan atau perintah, satu salinan alasan keputusan salinan notis rayuan dan index. Jika rekod tidak teratur atau difailkan di masa yang salah atau Yang Menjawab tidak dilayani, mahkamah hendaklah memberitahu perkara itu kepada Yang DiPertua.

Yang Menjawab dalam rayuan itu boleh beri notis kepada mahkamah dan lain-lain pihak dalam rayuan itu yang dia berniat untuk menjawab keputusan atau perintah yang dirayukan hendaklah diubah dan notis itu akan menjadi sebagai rayuan balas.

Yang DiPertua apabila menerima rayuan akan melantik Jawatankuasa Ulangbicara untuk mendengar rayuan dan Jawatankuasa akan menetapkan tarikh dan pemberitahuan pihak-pihak masa dan tempat rayuan didengar. Biasanya Jawatankuasa bersidang di tempat mana rayuan itu datang (tidak ada tempat khas untuk menjadi Mahkamah Rayuan). Pada hari yang ditetapkan Jawatankuasa akan mendengar kedua pihak dan membuat perintah seperti yang diberi oleh s. 41 (4) (b).

2. Acara Rayuan Jenayah

Pemohonan untuk merayu atau permohonan untuk kebenaran untuk membuat rayuan mesti dibuat dengan menggunakan borang tertentu dalam masa 14 hari selepas keputusan yang dirayu itu dibuat dan dalam rayuan untuk kebenaran untuk merayu dalam masa 14 hari selepas pemohon menyedari tindakan, "omission" atau keputusan hukuman.

Dalam kes jenayah rayuan hendaklah difailkan dalam mahkamah yang memutuskan perkara itu. Permohonan untuk merayu ditujukan kepada Jawatankuasa Ulangbicara dengan butir-butir keputusan yang diadukan nyatakan samada rayuan sabit atau hukuman atau keduanya dan alasan rayuan dan membayar yuran yang diadakan.

Bila menerima permohonan itu, mahkamah akan menyediakan dan menghantarkan kepada Yang DiPertua 4 salinan rekod mengandungi satu salinan permohonan, salinan tuduhan dan keisninan untuk mendakwa, jika ada, satu salinan catetan mahkamah mengenai perbicaraan, salinan-salinan

sebarang exhibit yang berkaitan dan satu salinan keputusan mahkamah atau perintah dan alasan keputusan. Yang Merayu berhak mendapat satu salinan rekod setelah membayar yuran yang dikenakan dan mahkamah hendaklah memberi satu salinan yang sama kepada Mendakwa yang akan menjadi Yang Menjawab dalam rayuan.

Setelah menerima salinan dokumen-dokumen itu, Yang DiPertua akan menyerahkannya kepada Jawatankuasa Ulangbicara yang dipilih. Jawatankuasa akan menetapkan tarikh untuk pembicaraan rayuan dan hendaklah memberitahu pihak-pihak akan tarikh dan tempat rayuan itu akan didengar.

Dalam pembicaraan rayuan, Jawatankuasa akan mendengar hujjah Yang Merayu dan jika perlu dari Yang Menjawab dan kemudian membuat keputusannya.

Mengikut jadual 4.6 didapati dalam tempoh 6 tahun tidak satu pun terdapat rayuan dari kes jenayah. Ini mungkin disebabkan pihak-pihak tidak suka menjangkan perkara terutama mengenai kes jenayah yang dianggap satu perkara yang memalukan.

Kes-kes mal yang dirayukan juga tidak banyak, paling banyak dalam setahun ialah 4 kes dan kadang-kadang hanya satu rayuan dalam setahun sedangkan hetongpanjang kes mal yang dibicarakan adalah 332 kes dalam setahun. Pihak-pihak nampaknya tidak berminat untuk

JADUAL 4.6

JENIS MAHKAMAH DAN JENIS PELATIHAN
TAHUN 1970 - 1975

Jenis Kes	Kes Mal			Kes Jenayah			Kes Rayuan ^a		
	M.K.D.		M.K.B.	M.K.D.		M.K.B.	Jumlahkuasa Ulangbicara		Jum.
	M.T	A.G	J	Jum.	M.T	A.G	J	Jum.	
1970	104	146	97	347	26	14	15	58	2
1971	239	98	95	437	22	4	6	42	3
1972	*	94	95	189	-	8	5	18	1
1973	152	139	68	359	10	1	2	19	1
1974	134	306	77	517	18	-	-	20	1
1975	96	136	56	244	36	-	10	52	3

Sumber : Buku Penyata Bulanan Mahkamah-mahkamah

Catitan : M.K.D = Mahkamah Kathi Daerah

M.K.B = Mahkamah Kathi Besar

M.T = Melaka Tengah

A.G = Alor Gajah

J = Jasin

Jum. = Jumlah

a = Hanya rayuan mal untuk tahun 1970 - 1975, tidak ada rayuan jenayah

* = Lapuran tidak bolih didapati

merayu, tetapi satu hal yang nyata ialah pihak-pihak tidak mengetahui hak mereka untuk merayu melainkan diberitahu dan mengikut seorang kathi beliau hanya akan memberitahu pihak-pihak hak untuk merayu ini dalam keputusannya jika beliau mendapati ada perasaan tidak puashati.⁴⁴

Dalam pada itu rayuan tidak boleh dibenarkan atau pembicaraan semula tidak akan dibenarkan oleh sebab acara yang tidak teratur atau penerimaan keterangan yang salah melainkan perkara itu telah menyebabkan kegagalan keadilan.